



# BERITA PETALING JAYA

Misi Perkhidmatan Pelanggan  
**Mesra, Cepat & Tepat**  
KUALITI KEUTAMAAN KAMI

[www.mbpj.gov.my](http://www.mbpj.gov.my) [f](#) Majlis Bandaraya Petaling Jaya [@](#) [t](#) [v](#) [d](#) [p](#) [j](#) [c](#) [i](#) [t](#) [y](#) [c](#) [o](#) [u](#) [n](#) [c](#) [i](#) [l](#)

BIL. 3/2023

☎ : 03-7956 3544 samb. 203 / 205 / 206

☎ : 03-7958 2695

✉ : [media@mbpj.gov.my](mailto:media@mbpj.gov.my)

**PERCUMA**



## BERITA TERKINI MS 3

## JALINAN KASIH 3R PJKITA



### OPERASI MENANGKAP ANJING LIAR SEKITAR PETALING JAYA

Ekoran penulatan video yang 'separa lengkap' ini, Majlis telah menerima pelbagai kecaman dan cemuan dari pelbagai pihak tanpa meneliti insiden sepenuhnya terlebih dahulu.

Berita Penuh MS 5

**NOTIS PEMBERITAHUAN**  
NOTIS PENUTUPAN JALAN/SIMPANG SEMASA PELAKSANAAN LALUAN KONTRA BERMASA DI JALAN TEMPLER - JALAN GASING/OTHMAN - JALAN TEMPLER - NPE.  
TARIKH MULA : 01/03/2023  
WAKTU PENUTUPAN : 5.00PM HINGGA 7.30PM

**PETUNJUK:-**  
← LINDUNGAN TRAFIK SEMASA PENUTUPAN KOTA PENUTUPAN JALAN

JAB. KEJURUTERAAN MBPJ : 03 - 79584221  
HOTLINE MBPJ : 03 - 79542020

### PELAKSANAAN LALUAN KONTRA BERMASA

MBPJ telah membuat penutupan jalan/simpang semasa pelaksanaan laluan kontra bermasa pada 1 Mac 2023 yang lalu

Berita Penuh MS 6

# Sidang Redaksi

www.mbpj.gov.my | Majlis Bandaraya Petaling Jaya | pjcouncil

**PENAUNG**  
Mohamad Azhan bin Md Amir

**PENASIHAT**  
Abdul Hakim bin Khairuddin

**KETUA PENGARANG**  
Muhamed Azmi bin Yusoff

**WARTAWAN**  
Ahmad Iskandar bin Muhamad Mukhtar  
Nor Shalizawati binti Hj Baharudin

**PEMBANTU PENERBITAN**  
Mohammad Shah bin Badlishah  
Nurafirah binti Jaharuddin

**JURU GAMBAR**  
Rusdi bin Mohammed Halik  
Intan Khairana binti Md. Zali  
Salimey bin Abu Bakar

**PEREKA GRAFIK**  
Badrul Hisham bin A Bakar  
Ihfaezur Ashikin binti Hj. Mohammed Arifin

**MAKLUM BALAS DAN CADANGAN  
HANTARKAN KEPADA**

Unit Komunikasi Korporat, Majlis Bandaraya Petaling Jaya

☎ 03-7956 3544 samb. 203 / 205 / 206 ☎ 03-7958 2695 ✉ media@mbpj.gov.my

## PENGURUSAN TERTINGGI MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA

**Aznan bin Hj. Hassan**  
Timbalan Setiausaha (Pengurusan) /  
Pegawai Khidmat Pengurusan  
Tel : 03-7955 0819

**Ir. Ismail bin Shafie**  
Timbalan Setiausaha (Pembangunan) /  
Pegawai Jabatan Kejuruteraan  
Tel : 03-7958 7993

**Hjh. Nik Nazli binti Nik Abdullah**  
Pegawai  
Jabatan Perbandarharaan  
Tel : 03-7955 2354

**TPr. Zain Azly bin Abdul Rahman**  
Pegawai  
Jabatan Perancangan Pembangunan  
Tel : 03-7955 7934

**Dr. V. Chithradavi a/p Vadivellu**  
Pegawai  
Jabatan Perkhidmatan Kesihatan  
dan Persekitaran  
Tel : 03-7955 2381

**Aziziza Azdila binti Abd Aziz**  
Pegawai  
Jabatan Penilaian dan  
Pengurusan Harta  
Tel : 03-7955 2428

**Ismathinoon bin Hj. Abd Rahman**  
Pegawai  
Jabatan Kawalan Bangunan  
Tel : 03-7956 3544 samb. 366

**Mohd Rosnani bin Hj. Hamid**  
Pegawai  
Jabatan Pembangunan Masyarakat  
Tel : 03-7960 3293

**Mohd Fauzi bin Maarop**  
Pegawai  
Jabatan Penguatkuasaan  
Tel : 03-7958 8081

**LR. Dr. Badruzaman bin Jaafar**  
Pegawai  
Jabatan Landskap  
Tel : 03-7804 8907

**Hjh. Sharinaz binti Hj. Samsudin**  
Pegawai  
Jabatan Pelesenan, Pembangunan  
Perniagaan dan Usahawan  
Tel : 03-7960 4513

**TPr. Lee Lih Shyan**  
Pegawai  
Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal  
dan Pembersihan Awam  
Tel : 03-7954 1534

**Ts. Samsul Bahari bin Nonchi**  
Pegawai  
Unit Teknologi Maklumat  
Tel : 03-7955 2553

**Haniza binti Abdul Hamid**  
Pegawai  
Unit Komunikasi Korporat  
Tel : 03-7958 1764

**Norzita binti Mokhtar**  
Pegawai  
Unit Perundangan  
Tel : 03-7957 8042

**Sharudin bin Ali**  
Pegawai  
Unit Audit Dalam  
Tel : 03-7954 0268

**TPr. Basri bin Basir**  
Pegawai  
Unit Pusat Setempat (OSC)  
Tel : 03-7954 1725

**Sr. Jayanthi a/p Kupusamy**  
Pegawai  
Unit Pesuruhjaya Bangunan  
(COB)  
Tel : 03-7960 2055

**Nor'Ain binti Adam**  
Penolong Pegawai Kanan  
Unit Integriti  
Tel : 03-7954 0268

**Pejabat Cawangan  
Petaling Jaya Utara**  
No. 19-1 Jalan Pekaka 8/1D, PJU 5,  
Prestij Kota Damansara,  
47310 Petaling Jaya, Selangor.  
Tel : 03-6143 7564 / 03-6143 7452 /  
03-6143 6475 / 03-6143 4195 /  
03-6143 5942

## LAWATAN PENANDA ARASAN DELEGASI YAYASAN WARISAN ANAK SELANGOR (YAWAS)

Majlis Bandaraya Petaling Jaya telah menerima kunjungan hormat delegasi daripada Yayasan Warisan Anak Selangor (YAWAS) yang merupakan anak syarikat Kerajaan Negeri Selangor di bawah seliaan Menteri Besar Incorporated (MBI). Kunjungan ini bertujuan untuk mendapatkan maklumat dan mendengar perkongsian pengalaman MBPJ mengenai pelaksanaan Inisiatif Bandaraya Mesra Kanak-Kanak Petaling Jaya di samping perkongsian maklumat daripada pihak YAWAS mengenai program-program kesejahteraan keluarga di Selangor.

Alhamdulillah, Puan TPr. Sharipah Marhaini Bt Syed Ali, Timbalan Datuk Bandar Petaling Jaya telah mencadangkan satu usahasama bersama pihak YAWAS dan Kelab Wanita IRIS MBPJ bagi pelaksanaan program kepada golongan wanita yang bergelar ibu dan ibu-ibu mengandung mengenai pendidikan awal kanak-kanak yang memfokuskan kepada aspek pemakanan sihat (anak seawal usia 1 – 4 tahun), kesihatan tubuh badan dan mental serta pelbagai lagi aspek kesejahteraan dan kesihatan keluarga. Kerjasama yang terjalin ini akan turut membantu Negeri Selangor untuk menjadi sebuah negeri yang mesra kepada golongan kanak-kanak dan memperkasakan lagi program-program kesejahteraan kanak-kanak di bawah pihak YAWAS.



## JALINAN KASIH 3R PJKITA

Majlis Bandaraya Petaling Jaya telah melaksanakan Program Jalinan Kasih 3R PJKita. Objektif program ini adalah untuk mengurangkan sisa sampah yang terjana daripada dibuang terus ke tapak pelupusan sampah. Inisiatif ini adalah rentetan daripada kesan penduduk di Petaling Jaya yang menghasilkan 600 tan sampah setiap hari.

Majlis telah membelanjakan sebanyak RM 85 juta bagi perkhidmatan kutipan sampah dan pembersihan awam di mana sejumlah RM 8.3 juta adalah fi bagi pelupusan sampah. Kos ini dijangka akan meningkat sebanyak 35 peratus (%) lagi dengan kuantiti sampah yang semakin bertambah dan kadar fi dinaikkan kepada RM 55.00 satu tan berbanding RM 36.00 satu tan menjelang tahun 2024 dengan pembinaan Integrated Solid Waste Management Centre (ISWMC).

Seiring dengan itu, Majlis akan sentiasa mengambil langkah terbaik bagi meningkatkan kadar kitar semula, termasuk memberi perhatian penuh kepada idea pengurangan penggunaan sumber di peringkat perancangan, reka bentuk dan guna semula peralatan secara berulang kali. Secara tidak langsung, melalui kaedah ini Majlis dapat menjimatkan kos perbelanjaan bagi pengurusan kutipan sampah di petaling jaya. Pada masa sama, Majlis turut mensasarkan penyertaan bilangan isi rumah bagi program kitar semula sebanyak 30 peratus (%) pada tahun ini dan dijangka akan diperluas ke semua kawasan pentadbiran Majlis menjelang tahun 2025.

Dalam pada masa yang sama, sejak dari tahun 2019 sebanyak 20 keluarga daripada golongan miskin dan B40 yang memerlukan telah menerima sumbangan barangan terpakai hasil daripada kutipan Program Spring Cleaning yang telah diadakan pada setiap musim perayaan utama Malaysia. Kebanyakan barangan bulky waste yang diterima daripada program tersebut adalah masih dalam keadaan baik untuk digunakan.

Jabatan Pembangunan Masyarakat dan Ahli-Ahli Majlis telah mengenal pasti 11 keluarga yang memerlukan bertujuan untuk menerima sumbangan barangan terpakai seperti pakaian dan perabot terpakai bersempena dengan Hari Raya Aidilfitri pada tahun ini

Untuk makluman semua, terdapat sebanyak 12 jenis barangan yang boleh dikitar semula atau digunakan semula diterima di ruangan drop-off PJ Eco Recycling Plaza seperti mainan, majalah atau novel, alat tulis dan ini juga termasuklah pakaian terpakai. Pada tahun lepas, sebanyak 11,657 kg pakaian terpakai telah diterima.

Bagi barangan perabot dan barangan elektrik terpakai pula sebanyak 742 Unit yang telah diterima pada Program Spring Cleaning tahun lepas yang dianggarkan seberat 17,713 kg. Dengan adanya penerimaan barangan terpakai ini, punca pendapatan PJ Eco Recycling Plaza juga turut terjana melalui jualan harga berpatutan yang dilaksanakan di Ruangan Ecoshop.



# SKIM REBAT CUKAI TAKSIRAN BAGI RUMAH MESRA ALAM DI PETALING JAYA

Selaras dengan pelaksanaan pelan PJSSR 2030 di bawah Thematic Low Carbon City, MBPJ telah menawarkan skim rebat cukai taksiran kepada pemilik rumah yang mesra alam hijau di kawasan Petaling Jaya kepada penduduk Petaling Jaya yang telah dilaksanakan sejak tahun 2011. Skim ini merupakan insentif kewangan oleh MBPJ kepada penduduk Petaling Jaya melalui diskaun cukai taksiran tahunan dan Majlis merupakan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) pertama di Malaysia yang melaksanakan skim seumpama ini.

Skim ini bertujuan untuk menggalakkan penduduk mengamalkan gaya hidup yang mesra alam yang akan membantu menjadikan Petaling Jaya sebuah bandar raya hijau berkarbon rendah. Rebate cukai taksiran sebanyak 100 peratus (%) atau RM 500, yang mana lebih rendah ditawarkan kepada pemilik rumah yang melaksanakan inisiatif menjadikan bangunan kediaman mereka mesra alam dari segi 5 aspek alam sekitar iaitu tenaga, air, kepelbagaian biologi, pengurusan sisa buangan dan pengangkutan.

Sejak diperkenalkan pada tahun 2011 sehingga tahun 2022, MBPJ telah menerima sebanyak 2,268 permohonan daripada penduduk Petaling Jaya dan daripada jumlah itu, 2,048 penduduk telah layak mendapatkan rebat yang berjumlah RM798,129.39. Dari segi pengurangan pelepasan karbon dioksida bagi kawasan Petaling Jaya, MBPJ telah berjaya mengurangkan sebanyak 397.07 tan CO<sub>2</sub> daripada sasaran keseluruhan pengurangan karbon MBPJ iaitu 1,048,800 tan CO<sub>2</sub> menjelang tahun 2030 melalui pelaksanaan skim ini.

Pada tahun 2023, MBPJ sekali lagi telah menawarkan skim ini kepada penduduk Petaling Jaya di mana tahun ini merupakan tahun ke-13 pelaksanaan skim ini. Borang permohonan boleh diperolehi di kaunter Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Dan Pembersihan Awam di Tingkat 20, Menara MBPJ atau memuat turun di laman sesawang MBPJ. Setiap permohonan akan dinilai oleh panel penilai bebas bertauliah yang dilantik oleh Majlis.

Pemohon yang layak akan menerima rebat yang dikreditkan terus ke dalam akaun cukai taksiran pemilik rumah pada tahun hadapan. Tarikh tutup permohonan adalah pada 30 Jun 2023. Untuk sebarang pertanyaan boleh hubungi urusetia Sekretariat Pasukan Petugas Low Carbon Green City of Petaling Jaya, Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam MBPJ di talian 03-7954 1440 atau faks: 03-7954 1579 atau emel: [rebatcukai@mbpj.gov.my](mailto:rebatcukai@mbpj.gov.my).



## MBPJ MELAKSANAKAN KONSEP LOW CARBON

Majlis Bandaraya Petaling Jaya komited dalam penjimatan penggunaan kertas selaras dengan konsep Low Carbon. Ia juga selaras dengan hasrat Majlis semenjak tahun 2010 lagi kearah paperless di semua peringkat organisasi.

Untuk makluman semua, Majlis telah menggunakan cakera padat bagi menggantikan kertas bagi penyediaan agenda mesyuarat, minit mesyuarat dan laporan mesyuarat sehingga tahun 2017. Selepas itu, Majlis telah menggunakan medium Google Drive dan melalui e-mail bagi penyediaan agenda, minit dan laporan mesyuarat kepada ahli mesyuarat bagi sesuatu jawatankuasa mesyuarat.

Bagi memperkasakan penjimatan penggunaan kertas ini, Majlis melalui Jabatan Khidmat Pengurusan telah membentangkan kertas pada Mesyuarat Pengurusan Tertinggi dan telah mengesyorkan beberapa langkah penjimatan seperti menghadkan penggunaan kertas untuk mencetak agenda dan minit mesyuarat kepada Datuk Bandar, Timbalan Datuk Bandar, Pengerusi Mesyuarat dan Urusetia Mesyuarat sahaja.

Selain itu, cetakan adalah dengan menggunakan kedua-dua belah muka surat dan memaksimumkan ruangan kertas. Ia juga merangkumi had penggunaan kertas berwarna sebagai pembahagi lampiran sebaliknya menggunakan penanda tagging atau indek seperator sahaja, mencetak draf agenda mesyuarat pada kertas kitar semula, tidak menggunakan surat untuk panggilan mesyuarat namun menggunakan medium seperti WhatsApp atau e-mail dan penggunaan skrin secara menyeluruh semasa mesyuarat berlangsung.

Sejajar dengan PJSSR 20230, Majlis melihat pemeraksanaan penjimatan penggunaan kertas ini perlu ditambah baik dari semasa ke semasa bagi mengurangkan kesan pencemaran daripada sisa buangan seperti kertas selain ke arah alam sekitar yang lestari.



# OPERASI MENANGKAP ANJING LIAR

Baru-baru ini, telah tular footage video di media sosial berkenaan insiden kekasaran dan pergelutan melibatkan anggota MBPJ dengan orang awam semasa operasi penangkapan anjing liar di kawasan Taman Kanagapuram, Seksyen 18, Petaling Jaya. Ekoran penulatan video yang 'separa lengkap' ini, Majlis telah menerima pelbagai kecaman dan cemuhan dari pelbagai pihak tanpa meneliti insiden sepenuhnya terlebih dahulu.

Untuk makluman semua, Majlis pada 25 Februari 2023 telah menerima aduan daripada orang awam bahawa beliau telah dikejar dan hampir digigit oleh anjing liar di Jalan 18/17, Taman Kanagapuram, Seksyen 18, Petaling Jaya. Anjing liar di Jalan 18/17 ini turut mengancam pelajar-pelajar sekolah berdekatan (Sekolah Rendah Kebangsaan Petaling 1 & 2). Berikutan kejadian ini dan kesedaran sivik beliau yang tinggi, beliau telah memohon MBPJ untuk mengambil tindakan. Susulan daripada itu, operasi menangkap anjing liar di kawasan berkenaan telah dijalankan oleh Unit Kacau Ganggu, Jabatan Perkhidmatan Kesihatan Dan Persekitaran MBPJ pada 6 Mac 2023, 8.00 malam hingga 10.00 malam di mana sebanyak 6 ekor anjing liar berjaya ditangkap.

Namun, pengadu yang sama sekali lagi telah membuat aduan pada 20 Mac 2023 di mana masih terdapat 6 hingga 8 ekor anjing liar yang masih berkeliaran di Jalan 18/17 dan dikhuatiri boleh mendatangkan kecederaan kerana musim persekolahan telah bermula. Menurut pengadu, anjing-anjing tersebut dijaga oleh seorang lelaki yang bekerja di Syarikat Perusahaan Jaksa Bersatu Sdn. Bhd., No. 7, Jalan 18/17.

Atas kemaslahatan umum, sekali lagi operasi menangkap anjing liar di kawasan berkenaan dijalankan pada 22 Mac 2023, antara jam 8.00 malam hingga 10.00 malam di mana sebanyak 4 ekor anjing liar berjaya ditangkap. Berdasarkan rekod, sepanjang tahun 2020 hingga Mac 2023, sebanyak 16 aduan anjing liar di kawasan Taman Kanagapuram telah diterima oleh MBPJ dan disusuli dengan tindakan 12 kali operasi melibatkan 39 ekor anjing liar telah berjaya ditangkap.

Masalah gangguan anjing liar ini tidak boleh dipandang remeh dan perlu ditangani segera khususnya oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT). Selain daripada mengganggu ketenteraman awam dengan bunyi bising apabila sering bergaduh dan menyalak pada waktu malam, membuang najis merata-rata dan menyelongkar tong sampah untuk mencari makanan hingga mengotorkan kawasan persekitaran, anjing liar juga boleh mengancam keselamatan dan kesihatan orang awam terutama kanak-kanak.

Selain daripada kucing liar, kelawar dan monyet, anjing liar merupakan agen utama pembawa Virus Rabies atau Anjing Gila. Gigitan anjing liar yang dijangkiti Virus Rabies kepada manusia boleh menyebabkan penyakit sistem saraf (neurologi) kronik yang boleh membawa maut kerana virus ini akan menyerang otot, sekali gus menyukarkan penafasan dan menjejaskan fungsi otak. Oleh yang demikian, operasi penangkapan anjing liar perlu segera dilaksanakan sebagai langkah berjaga-jaga membendung jangkitan Virus Rabies atau Anjing Gila sebelum merebak menjadi wabak penyakit yang sukar dikawal.

Sebagai sebuah organisasi yang menjunjung tinggi amalan integriti, Majlis telah menyerahkan kes ini dengan serta merta kepada Polis DiRaja Malaysia (PDRM) untuk siasatan yang lebih telus dan jika didapati bersalah, MBPJ tidak akan melindungi anggota terlibat dari sebarang salah laku.

Berdasarkan maklum balas rasmi Ibu Pejabat Polis Daerah Petaling Jaya bertarikh 9 April 2023, satu laporan polis telah

dibuat oleh pengadu pada 24 Mac 2023 mendakwa anggota MBPJ telah mencederakan beliau semasa tangkapan anjing liar pada 22 Mac 2023. Satu kertas siasatan telah dibuka oleh Pegawai Penyiasat di bawah Seksyen 324/186 Kanun Keseksaan.

Pada 29 Mac 2023 kertas siasatan telah dirujuk kepada YA Timbalan Pendakwa Raya Selangor dan arahan tuduh pengadu di bawah Seksyen 186 Kanun Keseksaan kerana menghalang anggota MBPJ daripada menjalankan tugasnya iaitu menangkap anjing liar yang dilaporkan oleh orang awam. Pengadu telah dituduh pada 31 Mac 2023 di Mahkamah Petaling Jaya. Manakala, tiada pertuduhan terhadap anggota MBPJ dikenakan oleh PDRM kerana alat penangkap anjing terkena muka pengadu dengan tidak sengaja semasa pergelutan berlaku.

Selain daripada menyerahkan kes ini kepada Polis DiRaja Malaysia untuk disiasat dan diambil tindakan mengikut saluran undang-undang, MBPJ turut menjalankan siasatan dalaman dan jawatankuasa siasatan dalaman membuat pengesyoran untuk menambahbaik tatakelola dan kaedah melaksanakan operasi menangkap anjing liar dengan cara pengenalan kepada tahap risiko sesuatu operasi bagi menentukan kaedah operasi yang akan dilaksanakan.

Operasi dengan risiko yang rendah menetapkan kakitangan yang menjalankan operasi hendaklah dipasang kamera badan (bodycam), gambar semasa operasi akan diambil untuk rekod oleh pegawai atasan kakitangan berkenaan dan bagi tahap risiko tinggi akan dijalankan secara bersepadu bersama pihak Polis. Bagi memastikan proses menangkap anjing liar ini lebih telus, MBPJ turut mencadangkan/mengsyorkan wakil NGO dan persatuan penduduk bersama-sama semasa operasi.



# MBPJ PEROLEH PENSIJILAN ISO 37001:2016 (ABMS) ANTI BRIBERY MANAGEMENT SYSTEMS

Majlis Bandaraya Petaling Jaya telah selesai diaudit oleh SIRIM QAS International Sdn. Bhd bagi pensijilan ISO 37001:2016 ABMS. Audit SIRIM ini bermula pada 23 Mac 2023 (peringkat pertama) dan peringkat kedua pada 29 hingga 31 Mac 2023.

Untuk makluman semua, Alhamdulillah, Majlis telah berjaya mendapatkan pensijilan ABMS daripada SIRIM QAS International bagi kategori sistem pengurusan Anti-Bribery bagi perkhidmatan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) bagi bandaraya Petaling Jaya (merangkumi perkhidmatan utama dan sokongan kerajaan tempatan).

Syabas dan tahniah saya ucapkan kepada semua diatas kerja keras yang melibatkan semua jabatan dan unit dalam penyediaan dokumentasi ABMS. Kini cabaran buat Majlis adalah bagi memastikan kepatuhan terhadap segala kriteria kawalan anti rasuah sepenuhnya agar pensijilan ABMS Majlis dapat dikekalkan dan diperbaharui setiap tahun oleh pihak SIRIM dalam mempertingkatkan imej Majlis ke arah yang lebih baik.

Diharapkan, melalui pengiktirafan pensijilan ABMS ini, ianya dapat menambah keyakinan masyarakat mahupun stakeholder terhadap perkhidmatan yang diberikan dan ditawarkan oleh Majlis Bandaraya Petaling Jaya seterusnya membantu pihak kerajaan negeri dalam memperbaiki kedudukan indeks persepsi rasuah (CPI) negeri. Secara tidak langsung ianya berupaya memperbaiki kedudukan CPI negara ke tahap lebih baik diperingkat antarabangsa. In Sya Allah.

**Tahniah**

**MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA TELAH MEMPEROLEHI PENSIJILAN ISO 37001:2016 (ABMS) ANTI - BRIBERY MANAGEMENT SYSTEMS**

SISTEM PENGURUSAN ANTI RASUAH BAGI PERKHIDMATAN PIHAK BERKUASA TEMPATAN MERANGKUMI PERKHIDMATAN UTAMA DAN SOKONGAN KERAJAAN TEMPATAN

PADA **28 APRIL 2023**

TERIMA KASIH KEPADA PIHAK PENGURUSAN MBPJ KERANA MENYOKONG USAHA MENERAPKAN ABMS DI MBPJ, TERIMA KASIH KEPADA WARGA KERJA MBPJ KERANA MELAKSANAKAN KAWALAN ANTI RASUAH DI MBPJ

**JANGAN MINTA TOLAK LAPOR RASUAH**

2030

## PELAKSANAAN LALUAN KONTRA BERMASA

**NOTIS PEMBERITAHUAN**  
NOTIS PENUTUPAN JALAN/SIMPANG SEMASA PELAKSANAAN LALUAN KONTRA BERMASA DI JALAN TEMPLER- JALAN GASING/OTHTMAN- JALAN TEMPLER - NPE.

TARIKH MULA : 01/03/2023  
WAKTU PENUTUPAN : 5.00PM HINGGA 7.30PM

**PETUNJUK:-**  
← LENCONGAN TRAFIK SEMASA PENUTUPAN KORI PENUTUPAN JALAN

JAB. KEJURUTERAAN MBPJ : 03 - 79584221  
HOTLINE MBPJ : 03 - 79542020

Majlis Bandaraya Petaling Jaya telah membuat penutupan jalan/simpang semasa pelaksanaan laluan kontra bermasa pada 1 Mac 2023 yang lalu bermula pada pukul 5.00 petang hingga 7.30 malam. Antara jalan/simpang terlibat ialah Persimpangan Jalan Othman – Jalan Templer, persimpangan Jalan Gasing – Jalan Templer, persimpangan Jalan Templer – Jalan 6/29 dan setiap bukaan median di Jalan Templer.

Penutupan jalan/persimpangan ini di buat semasa pelaksanaan laluan kontra sahaja untuk tempoh percubaan selama 3 bulan. Majlis akan mula mengaktifkan laluan kontra ini bermula pada pukul 5.00 petang sehingga pukul 7.30 malam setiap hari kecuali Sabtu, Ahad, cuti umum dan ketika hujan.

Berdasarkan daripada tempoh percubaan tersebut, Majlis telah membuat keputusan untuk tidak meneruskan penutupan jalan/simpang di persimpangan Jalan Templer – Jalan Gasing – Jalan Othman dan penutupan median di Jalan Templer.

Penutupan ini akan ditamatkan pada hari ini, 19 April 2023 (Rabu) dan laluan kontra tanpa penutupan simpang akan dilaksanakan berkuatkuasa pada 2 Mei 2023.



## WABAK DENGGI

Jumlah kes demam denggi yang dilaporkan pada minggu ke 14/2023 adalah 81 kes, menjadikan jumlah kumulatif sebanyak 1,286 kes yang dilaporkan. Keadaan ini menunjukkan penurunan 12 peratus (%) daripada jumlah kes pada minggu sebelumnya iaitu 92 kes. Jumlah lokaliti wabak adalah 37 lokaliti, manakala lokaliti wabak aktif pada minggu epid 13 adalah sebanyak 7 lokaliti. Tiada wabak baru dilaporkan, 4 lokaliti wabak tak terkawal dilaporkan dan 3 lokaliti wabak hotspot dicatatkan. Tiada kes kematian baru yang dilaporkan.



**LINDUNGI  
KELUARGA  
ANDA  
DARIPADA  
DENGGI  
LUANGKAN  
10 MINIT  
SETIAP Hujung Minggu**

Periksa rumah dan persekitaran  
sekurang-kurangnya seminggu sekali  
untuk memastikan tiada pembiakan  
nyamuk **Aedes**.

Bertindak sekarang! Luangkan 10 minit setiap minggu untuk mencegah Denggi!



Diterbitkan oleh  
Bahagian Pendidikan Kesihatan  
Kementerian Kesihatan Malaysia



Laman Web: <http://www.myhealth.gov.my> • <http://www.infosihat.gov.my>



## IFTAR PERPADUAN

**SS 7, 1 APRIL 2023** - Ahli Majlis Zon 22, Pn. Rahibah Che Omar dan komuniti bukan Islam di zon 22 berbuka puasa untuk merasai suasana dan pengalaman berbuka puasa bersama umat Islam. Acara ini telah diadakan di Masjid Tengku Kelana Jaya Petra, Kelana Jaya. Rata-rata peserta gembira dan teruja dapat bersama-sama berbuka puasa masyarakat Islam yang sedang menjalani ibadat puasa di bulan Ramadhan.



## ZIARAH KASIH RAMADHAN

**TAMAN DATO' HARUN, 1 APRIL 2023** - Ahli Majlis Zon 18, En. Ahmad Akhir Pawan Chik telah menyampaikan sumbangan bakul makanan serta wang tunai yang telah disumbangkan Ahli Majlis dan Pembedaan Menteri Besar (MBI) melalui penganjuran program ziarah kasih. Program ini juga untuk bertanya khabar dan memberikan sokongan moral kepada warga emas yang uzur.



## PROGRAM SOLAT TASBIH DAN DHUHA

**SS 6, 2 APRIL 2023** - Ahli Majlis Zon 21, Pn. Rozazith Ahmad bersama komuniti wanita Zon 21 telah menganjurkan program solat tasbih dan dhuha serta edaran bubur lambuk kepada penduduk SS 5 dan SS 6 yang diadakan di Surau Al-Kauthar.



## MAJLIS IFTAR BERSAMA KOMUNITI

**SEKSYEN 4, 3 APRIL 2023** - Majlis Perwakilan Penduduk Zon 15 telah menganjurkan program iftar bersama komuniti yang diadakan di Dewan Serbaguna MBPJ, Seksyen 4. Majlis ini telah dihadiri seramai 250 orang penduduk dan diserikan dengan kehadiran Datuk Bandar Petaling Jaya, Tn. Mohamad Azhan Md. Amir serta Timbalan Setiausaha (Pengurusan) Tn. Aznan Hj. Hassan.



## EDARAN BUAH KURMA SS 5 DAN SS 6

**SS 5, 3 APRIL 2023** - Ahli Majlis Zon 21, Pn. Rozazith Ahmad telah mengedarkan buah kurma kepada penduduk dan surau yang berdekatan di sekitar SS 5 dan SS 6. Usaha ini bertujuan untuk memeriahkan sambutan bulan Ramadhan dan berkenalan dengan lebih dekat dengan penduduk.



## EDARAN GULAI KAWAH MPP ZON 15

**SEKSYEN 3, 7 APRIL 2023** - Kira-kira 300 orang jemaah Masjid Jamek Sultan Abdul Aziz telah menerima sumbangan gulai kawah dan juadah berbuka puasa yang telah disampaikan Ahli Majlis Zon 15, Pn. Ermeemarianna Saadon, Ahli Majlis Zon 17, Pn. Norah Mansor dan Ahli Majlis Zon 18, En. Ahmad Akhir Pawan Chik.





## PROGRAM SANTAI SAHUR KAROM

**TAMAN DATO' HARUN, 8 APRIL 2023** - Sebanyak 48 pasukan yang melibatkan seramai 96 orang pemain telah menyertai program Santai Sahur Karom anjuran Ahli Majlis Zon 18. Usaha ini untuk menggalakkan peserta menggunakan masa terluang sebelum sahur dengan melakukan aktiviti-aktiviti yang berfaedah.



## PROGRAM TADARUS PERDANA

**SS 7, 8 APRIL 2023** - Gabungan empat Ahli Majlis iaitu Zon 21, Pn. Rozazifah Ahmad, Zon 22, Pn. Rahibah Che Omar, Zon 23, En. Zamri Mohamad dan Zon 24, En. Ridzuan Ahmad telah menjayakan program tadarus perdana yang diadakan di Masjid Tengku Kelana Jaya Petra.

Seramai 200 orang peserta telah menyertai program ini yang turut dihadiri Datuk Bandar Petaling Jaya, Tn. Mohamad Azhan Md. Amir dan Ahli Dewan Negeri Seri Setia, YB Tn. Halimey Abu Bakar.



## ePay@MBPJ

**PERKHIDMATAN ONLINE MELALUI APLIKASI WEB**

### SMART PARKING



Muat turun aplikasi **Smart Parking** di google play

### KIOS

Pembayaran di kios lobi ibu pejabat MBPJ, lobi menara MBPJ dan Pejabat Cawangan Petaling Utara

- Cukai Taksiran
- Kompaun
- Tempahan
- Bil pelbagai
- Sewaan
- Cagaran (Tunai sahaja)

### embpj@MBPJ

Boleh membuat semakan seperti:

- Lesen
- Aduan
- Sewaan
- Cagaran
- Cukai Taksiran
- Semakan Kompaun
- Status Bayaran Kontraktor

### TALIAN ADUAN



**HOTLINE MBPJ**  
**03 7954 2020**



**011-1201 7914**

Waktu urusan adalah bermula jam **8.00 pagi - 5.00 petang** hari bekerja

## SEMAKAN DAN BAYARAN CUKAI TAKSIRAN

Bayaran melalui ePay di [www.mbpj.gov.my](http://www.mbpj.gov.my) dan klik ePay

Bayaran secara online melalui Internet Banking

- MBF Click & Pay (Ambank)
- Ambank (bil payment)
- Hong Leong Bank
- Maybank2U
- Pos Online
- RHB Bank
- HSBC Bank
- Bank Rakyat (bil payment)
- Bank Islam
- JomPay (Biller Code: 76737)

SILA IMBAS QR KOD INI UNTUK KE LAMAN WEB RASMI MBPJ



# AWASI Demam Denggi

## Tindakan mencegah Demam Denggi

Jika anda berada di kawasan wabak denggi:

- Lindungi diri dari gigitan nyamuk
- Sembur aerosol
  - Gunakan repelan
  - Pakai baju lengan panjang dan seluar panjang berwarna cerah
  - Elakkan berada di luar rumah pada waktu puncak gigitan nyamuk iaitu awal pagi dan senja

Jika anda datang dari tempat berisiko denggi:

Dapatkan rawatan segera di fasiliti kesihatan sekiranya mengalami gejala jangkitan demam denggi

Bekas-bekas yang menakung air hendaklah dicuci dan dibuang airnya atau ditutup kemas.

Masukkan bahan pembunuh jentik-jentik ke dalam kolah atau takungan air



Diterbitkan oleh:  
**Bahagian Pendidikan Kesihatan**  
Kementerian Kesihatan Malaysia